

02 APR 2001

Pata-Pelancongan

KAUNTER KHAS BAGI MELANCONG SELEPAS PERSIDANGAN PATA

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) sedang berusaha menarik lebih ramai peserta Persidangan Tahunan ke 50 Persatuan Pelancongan Pasifik Asia (Pata) untuk melancong ke pelbagai destinasi di negara ini selepas persidangan itu.

Naib Presiden Matta (Dalam Negeri) Peter Kan berkata, kaunter-kaunter khas akan dibuka semasa persidangan itu yang bermula Ahad ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini dan di hotel-hotel untuk menampung mereka yang memutuskan untuk melancong di saat-saat akhir.

Sehingga ini hanya 40 daripada 1,100 perwakilan dan 40 wakil media asing yang berdaftar untuk melancong ke lebih kurang 10 destinasi di seluruh negara, kata beliau kepada BERNAMA hari ini.

"Ini persidangan penting bagi Malaysia," kata beliau mengenai persidangan PATA 2001 selama lima hari yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Matta salah sebuah daripada anggota jawatankuasa penganjur persidangan itu diberi tugas mengendalikan lawatan-lawatan selepas persidangan itu dan juga pengangkutan semasa persidangan bagi perwakilan dan media.

"Kami tidak tahu mengapa respons begitu lembap (bagi lawatan selepas persidangan itu) sedangkan destinasi-destinasi ini ditawarkan pada kadar yang murah," katanya.

Destinasi-destinasi itu termasuk Pulau Pinang, Langkawi, Pangkor, Melaka, Sabah, Sarawak dan Redang Marine Park di Terengganu.

Persidangan itu dijangka menarik penyertaan lebih kurang 1,800 perwakilan daripada sektor pelancongan dan yang berkaitan dengan pelancongan seperti syarikat penerbangan, perkapalan, agensi dan pengendali pelancongan.

Mengenai Pengangkutan, Matta telah menyediakan 40 bas bagi laluan seperti Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, hotel-hotel dan tempat persidangan dengan tema persidangan kali ini "Masa Silam Yang Dibanggakan, Masa Depan Yang Penuh Harapan."

-- BERNAMA

RV AZZ PR